

Headline	Permata lahir kanak-kanak holistik	Language	MALAY
Date	27. Oct 2008	Page No	10
Media Title	Utusan Malaysia (Central)	Article Size	268 cm²
Section	Dlm Negeri	Frequency	Daily
Circulation	238082	Color	Full Color
Readership	833287	AdValue	



Permata lahir kanak-kanak holistik

ZULKIFLI JALIL

UMUR tiga tahun kanak-kanak sangat kritikal terutama dalam perkembangan personaliti dan minda.

Kerana itu pengalaman pembelajaran yang sesuai di samping pengasuhan yang baik perlu disediakan untuk memastikan kanak-kanak membesar dan berkembang secara holistik dan seimbang. Pengalaman pembelajaran ini akan merangsang pembinaan hubungan neuron yang banyak dalam otak kanak-kanak dan hasilnya – lahirlah individu yang bijaksana dan cemerlang.

Bagi Naila Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof. Datuk Dr. Aminah Ayob, kanak-kanak yang bijaksana dan cemerlang adalah aset negara.

"Mereka modal insan negara yang akan menerajui pembangunan negara pada masa depan. Oleh sebab itu, pendidikan awal amat penting bagi melahirkan modal insan yang cerdas minda (IQ tinggi), cerdas emosi (EQ tinggi), cerdas rohani (SQ tinggi), cerdas sosial dan fizikal," kata beliau ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Kesemua inilah falsafah Program Permata negara, kata beliau, sambil menjelaskan projek berkenaan lahir daripada buah fikiran Datuk Seri Rosmah Mansor. Rosmah adalah pencetus idea projek tersebut sejak 2006 yang akhirnya tertubuh Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara atau NCDRC di UPSI pada 21 Jun 2007.

Menurut Aminah, Program Perintis Setiap Anak Permata Negara (ringkasnya Program Permata) bertujuan melahirkan kanak-kanak yang holistik dan seimbang; mempunyai akhlak dan sahsiah yang mulia, berintelektual tinggi, mahir berkomunikasi, dalam kedua-dua bahasa – Bahasa Melayu dan Inggeris, bijak bergaul, sihat jasmani dan suci rohani.

Program ini menekankan konsep memberi pengasuhan dan pendidikan secara serentak kepada kanak-kanak sejak umur bayi (baru lahir) sehingga umur 5 tahun, melalui pendekatan bermain, bercerita, menyanyi, meneroka, menguji kaji, menyelesaikan masalah dan menghayati seni dan muzik. Penekanan khusus ialah terhadap pembinaan sahsiah dan minda kanak-kanak.

"Sejak bayi, kanak-kanak dirangsang membina hubungan emosi dengan pendidik dan ibu bapa kerana hubungan emosi (*emotional attachment*) ini amat penting untuk membuatkan kanak-kanak merasai diri mereka disayangi dan selamat.

"Dengan itu akan timbul rasa yakin serta jati diri (*self-esteem*) yang tinggi," katanya.

Menurutnya, di Pusat Anak Permata Negara (PAPN), kanak-kanak belajar melalui bermain dalam persekitaran yang kondusif, ceria dan selamat. Mereka dibelai dan disayangi oleh pendidik, dirangsang minda melalui interaksi dan soal jawab, nyanyian, tarian, bercerita, membaca, membuat uji kaji, meneroka dan berlakon.

Kata beliau, kurikulum Permata tidak menekankan aspek akademik secara terus, tetapi membina kemahiran kanak-kanak dalam penggunaan bahasa, komunikasi dan literasi awal, numerasi dan pra-matematik, kemahi-



ROSMAH Mansor (tiga dari kanan), Ahmad Shabery Cheek dan kenamaan lain menyanyikan lagu tema Permata bersama kanak-kanak Gabungan Pusat Anak Permata Negara Putrajaya dan Subang serta anak-anak Taska Kemas Kuala Lumpur pada majlis pelancaran 'Setiap Anak Permata Negara' di Anugerah Putra, hari ini.

Headline	Permata lahir kanak-kanak holistik
Date	27. Oct 2008
Media Title	Utusan Malaysia (Central)

Merekalah modal insan negara yang akan menerajui pembangunan negara pada masa depan. Oleh sebab itu, pendidikan awal amat penting bagi melahirkan modal insan yang cerdas minda (IQ tinggi), cerdas emosi (EQ tinggi), cerdas rohani (SQ tinggi), cerdas sosial dan fizikal

ran berfikir dan menyelesaikan masalah, kemahiran sosial dan pemahaman pelbagai budaya, secara tidak langsung dalam aktiviti-aktiviti permainan dan rutin pengasuhan.

Secara khusus, hasil pembelajaran yang ingin dicapai melalui Program Permata ialah:

- Untuk melahirkan kanak-kanak yang mempunyai sosio-emosi yang tenang, jati diri yang tinggi, berkeyakinan dan berbudi pekerti mulia.

- Untuk melahirkan kanak-kanak yang mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi dan berkemampuan untuk menumpukan perhatian dalam meneroka sesuatu pengalaman pembelajaran.

- Untuk melahirkan kanak-kanak yang mampu berkomunikasi, mudah berinteraksi dan menguasai kebolehan berfikir logik dan pra-matematik.

- Untuk melahirkan kanak-kanak yang mempunyai kemahiran sosial yang tinggi,

mampu untuk bergaul dalam masyarakat pelbagai budaya.

- Untuk membantu kanak-kanak mengenali potensi diri sendiri dan bebas membuat keputusan berdasarkan potensi diri.

- Untuk melahirkan kanak-kanak yang sihat, menghayati kepentingan kebersihan diri dari segi fizikal dan mental serta berdisiplin dalam menyusun atur kehidupan.

Berititik tolak dari inilah, Aminah yang disertai oleh tiga lagi rakan seperjuangan iaitu Prof. Madya Dr. Rohani Abdullah dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Mastura Badzis (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia) dan Dr. Azizah Lehai Nordin (UPSI) melakukan penyelidikan mengenai menilai keberkesan program perintis "Setiap Anak Permata Negara" baru-baru ini.

Aminah berkata, sampel kajian melibatkan seramai 81 kanak-kanak Permata daripada lima buah PAPN. Menurutnya, Program Pe-

AMINAH AYOB
Naib Canselor
Universiti
Pendidikan
Sultan Idris (UPSI)

rintis Permata Fasa 1 bermula pada 5 Mac 2007 di empat buah PAPN iaitu di Subang Jaya, Putrajaya, Kepala Batas dan Mempaga. PAPN Chini dibuka pada 2 Mei 2007.

Di setiap PAPN dilantik seorang mentor di kalangan jurulatih bertauliah Permata untuk membantu dan membimbing Pendidik Permata melaksanakan Program Permata. Proses bimbingan ini dipantau oleh NCDRC.

"Jadi, kesemua sampel 81 kanak-kanak itu telah mengikuti program Permata sekurang-kurangnya selama 5 bulan kecuali di PAPN Chini selama 3 bulan.

Untuk mengukuhkan dapatan, data perbandingan telah diperoleh daripada 3 buah Taska dari kawasan bandar dan pinggir yang melibatkan kanak-kanak seramai 80 orang. Mereka dinamakan kumpulan Bukan PAPN," katanya. Hasil penyelidikan, kata Aminah, menunjukkan dapatan-dapatannya berikut:

1. Program Permata telah dapat membentuk kanak-kanak yang mempunyai personaliti yang tenang dan terkawal, stabil, ceria, mesra dan penyayang dengan keyakinan diri yang tinggi. Secara purata, 84 peratus kanak-kanak Permata (merentasi umur) telah mencapai perkenangan emosi yang baik berbanding 42 peratus kanak-kanak yang tidak mengikuti program Permata.

2. Daripada segi perkembangan bahasa dan komunikasi, kanak-kanak Permata adalah lebih berkebolehan membina frasa ayat walaupun bukan ayat penuh tetapi dan boleh difahami berbanding kanak-kanak Bukan Permata. Mereka juga mampu bercakap dalam bahasa/ayat ne-

gatif. Data menunjukkan 80 peratus kanak-kanak Permata telah boleh menggunakan frasa ayat dalam susunan yang betul berbanding 51 peratus kanak-kanak Bukan Permata.

3. Didapati 74 peratus kanak-kanak Permata boleh berkomunikasi dengan menggunakan bahasa ekspresi (misalnya apabila bercerita atau menerangkan gambar) berbanding 55 peratus kanak-kanak Bukan Permata.

4. Dalam aspek perkembangan sosial, lebih 80 peratus kanak-kanak Permata didapati dapat menunjukkan sifat mesra, mudah bergaul dan berkawan, boleh berkongsi mainan, boleh ikut arahan dan sabar menunggu giliran berbanding 50 peratus kanak-kanak Bukan Permata.

5. Dalam aspek pengurusan diri, trend yang sama diperolehi: lebih daripada 85 peratus kanak-kanak Permata boleh mengurus diri sendiri dengan bantuan minimum daripada Pendidik berbanding kanak-kanak Bukan Permata.

Kebanyakan kanak-kanak Permata boleh makan sendiri, mandi sendiri, pakai pakaian sendiri dan menggunakan tandas dengan betul. Aspek yang paling ketara ialah kemahiran membasuh tangan - kanak-kanak Permata segera dan secara spontan akan membasuh tangan setiap kali selepas bermain dan sebelum makan (kadang-kadang diingatkan hanya sekali sahaja oleh Pendidik), tetapi ini tidak berlaku di Taska, Bukan Permata. Maka, bolehlah disimpulkan bahawa kanak-kanak Permata adalah lebih berkemahiran untuk mengurus diri sendiri daripada kanak-kanak Bukan Permata.

6. Perkembangan intelek kanak-kanak telah diuji dalam tiga komponen: iaitu kebolehan pra-sains, pra-matematik dan berfikir. Didapati dalam ketiga-tiga komponen tersebut, kanak-kanak Permata mengatasi kanak-kanak Bukan Permata dengan peratusan yang besar.

Nampaknya aktiviti-aktiviti rangsangan minda yang disediakan dalam modul Permata telah berjaya meningkatkan kebolehan kanak-kanak dalam ketiga-tiga komponen tersebut. Secara purata lebih 85 peratus kanak-kanak Permata mencapai perkembangan intelek yang baik berbanding 50 peratus kanak-kanak Bukan Permata.

7. Secara umumnya didapati kanak-kanak Permata adalah lebih berdisiplin dan gemar bersalam dengan tetamu (pernyelidik yang datang ke PAPN) - 92 peratus kanak-kanak Permata bersalam/mengucapkan salam berbanding 61 peratus kanak-kanak Bukan Permata.

Kesimpulannya, kata Aminah, program perintis Permata sangat berkesan (setakat ini) bagi melahirkan individu kanak-kanak yang holistik dan baik, yang akan menjadi modal insan negara pada masa hadapan.

Program Permata wajar diteruskan dan disokong oleh semua pihak.